

# IQORA

Bil. 3/2022  
MAC  
eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:  
Topik Transgender**  
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:  
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**  
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan  
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**  
PTAR Dungun - muka 30



**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat  
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**  
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:  
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**  
PTAR Hospital UiTM - muka 54

**PROMOSI@PTAR**



**MAJLIS JASAMU DIKENANG, BUDI DISANJUNG:  
ENCIK WAN ABDUL RAHIM BIN WAN OMAR  
31 MAC 2022**

Disediakan oleh: Siti Rozana Mat Sanat



*Pada 31 April 2022, Perpustakaan Tun Dr Ismail UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung untuk Encik Wan Abdul Rahim bin Wan Omar. Beliau merupakan staf Pembantu Operasi di Perpustakaan Tun Dr Ismail, UiTM Cawangan Johor. Beliau telah berkhidmat di UiTM selama 37 tahun (Dis 1983 – 12 April 2022).*

*Berikut adalah maklumat perkhidmatan beliau:*

**Disember 1983 hingga 1984 – Pekerja Harian (Asrama & Fasiliti)**  
**1/7/1985 – Pekerja Asrama & Bangunan (Asrama & Fasiliti)**  
**1/7/1986 – Pelayan Asrama (Asrama)**  
**1/1/1989 – Pembantu Am Rendah (Fasiliti)**  
**1990 hingga 1998 – Pembantu Am Rendah (Perpustakaan Tun Dr Ismail)**  
**1/7/2009 – Pembantu Am Pejabat Kanan (KUP) (Kolej)**  
**1/11/2013 – Pembantu Operasi (Kolej)**  
**2016 hingga 12/4/2022 – Pembantu Operasi (Perpustakaan Tun Dr Ismail)**



*Beliau dikenali sebagai seorang yang ceria, ringan tulang dan mudah bekerjasama dengan sesiapa sahaja. Persaraan beliau begitu dirasai dan tiada kata dapat diungkap melainkan doa dari kejauhan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan atas segala jasa, keringat, pengorbanan Encik Wan Abdul Rahim sepanjang berkhidmat di UiTM Johor umumnya dan Perpustakaan Tun Dr Ismail khususnya. Kami warga PTDI mengucapkan Selamat Bersara dan didoakan moga beliau diberi kesihatan dan dilimpahkan rahmat oleh Allah.*

